



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA / MEDIA STATEMENT

UCAPAN TAKZIAH

Dukacita dimaklumkan bahawa Puan Khalidah Mohd Darus, mantan Ketua Pengarah Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP) telah meninggal dunia pada 3 Julai 2018 di kediaman beliau di Kota Warisan, Sepang, Selangor.

KKMM merakamkan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarhamah di atas pemergian beliau. Allahyarhamah merupakan seorang Ketua Jabatan yang sangat komited dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab beliau sebagai Ketua Jabatan. Keperibadian beliau yang periang dan peramah amat disenangi dan kehilangan ini amat dirasakan oleh seluruh warga KKMM khususnya warga JPDP.

Saya bagi pihak Kementerian berharap agar keluarga Allahyarhamah tabah dalam menempuh kehilangan ini.

GOBIND SINGH DEO
Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Putrajaya

4 Julai 2018